

Masih ingatkah lagi isu harga minyak menjelang PRU 2008?
Utusan Online
29 Mac, 2012
Oleh Azman Anuar

LEGA rasanya apabila kerajaan mengambil keputusan tidak menaikkan harga petrol bersubsidi.

Apa lagi yang dapat kita ungkapkan ketika banyak negara menaikkan harga bahan bakar itu, tetapi di Malaysia bagaikan tiada apa-apa kesan setelah harga petroleum di pasaran antarabangsa melonjak naik.

Harga petrol RON95 kekal RM1.90 seliter. Rahsia harga runcit petrol itu dikekalkan ialah kerajaan menambah subsidi sebanyak 10 sen kepada RM1.03 seliter.

Sebab itu setakat ini rakyat tidak dibebani dengan kesan domino ekoran kenaikan harga minyak dunia. Kalau tidak mungkin harga barangan yang tidak ada kaitan dengan kos pengangkutan yang menggunakan minyak pun – akan naik. Petanda harga barangan naik ialah kalau dulu tiga biji kuih harganya RM1.20 mungkin selepas ini RM1.50.

Beruntunglah rakyat Malaysia dan warga asing yang bermastautin di bumi bertuah ini. Warga Indonesia pun menumpang kemurahan hati pemimpin Malaysia yang tidak menaikkan harga petrol.

Rakyat Malaysia sangat beruntung kerana kerajaan amat prihatin dengan memberi subsidi walaupun ia membebankan kerajaan.

Cuba lihat di Indonesia, rakyatnya mengamuk apabila kerajaan Susilo Bambang Yudhoyono mahu merancang menaikkan harga minyak subsidi sebanyak 33 peratus pada April ini ekoran peningkatan harga minyak dunia.

Peningkatan harga bahan api dunia sejak akhir-akhir ini adalah kerana kegelisahan mengenai konflik ketenteraan ke atas Iran.

Dalam rakyat kita tenang menghadapi isu minyak ini, Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim dalam ceramahnya baru-baru ini terus mengumpan pendengar setianya dengan janji bahawa pembangkang akan menurunkan harga minyak sebanyak RM1 jika mereka berjaya merampas Putrajaya.

Pelik, sudah dapat tawan empat negeri pun masih banyak janji dalam manifesto Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 belum ditunaikan. Anwar turut berjanji akan menghapuskan bayaran tol Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) jika membentuk kerajaan pada PRU Ke-13. Nampaknya tanpa malu-malu Anwar masih menabur janji manis.

Pakatan pembangkang yang mendakwa boleh menurunkan harga minyak jika memerintah negara ini hanya berbohong untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Pembangkang sejak dahulu lagi hanya pandai mengeksploitasi isu kenaikan harga minyak, sedangkan mereka tidak mempunyai cara bagi menurunkan harga minyak di negara ini.

Kenaikan harga minyak bukan kawalan Kerajaan Malaysia atau mana-mana negara tetapi ia membabitkan isu dunia.

Jadi rakyat perlu bersedia hadapi kenyataan bahawa kenaikan harga minyak dunia tidak dapat dielakkan berikutan pergolakan di beberapa negara pengeluar minyak yang menjejaskan pengeluarannya untuk negara pengguna.

Kerajaan sudah 'masak' dan memahami kenaikan harga minyak memberikan implikasi yang besar kepada perbelanjaan rakyat. Sebab itulah, kerajaan sangat berhati-hati dalam soal ini.

Kerajaan pun mungkin sudah ambil iktibar daripada kenaikan harga minyak sebelum PRU-12. Rakyat sudah tentu tidak mahu kenaikan seperti tahun 2007 iaitu sehingga RM2.70 seliter berulang kembali sehingga melonjakkan kadar inflasi.

Bagaimanapun orang ramai tidak perlu bimbang dengan jangkaan peningkatan harga minyak dunia kerana ia merupakan trend semasa seiring dengan perkembangan ekonomi dunia. Jika keadaan negara pengeluar kembali stabil maka harga minyak berkemungkinan akan turun juga.

Apa pun kita berdoalah agar kenaikan harga minyak dunia tidak berlaku secara mendadak seperti yang pernah dicatatkan pada 2007 dan separuh pertama 2008. Ramai yang marah dan mengamuk, akhirnya diterjemah dalam petak undi.

Sekarang bukanlah waktu yang sesuai untuk kerajaan menaikkan harga minyak, dibimbangi ia akan menimbulkan tekanan kepada kerajaan sendiri.

Oleh itu diharap isu harga minyak tidak 'menyerang' persediaan parti yang memerintah negara ini untuk menghadapi PRU-13. Faham-faham sajalah kalau harganya naik.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0329&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm